

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SRI DR. JAMALUDDIN
BIN MOHD JARJIS [ROMPIN]**

**TARIKH JAWAPAN : 6 APRIL 2015 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN :

Tan Sri Dato' Sri Dr. Jamaluddin Bin Mohd Jarjis minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian sedang membuat kajian dan unjuran bagi keperluan gas yang dikeluarkan oleh PETRONAS kerana pihak TNB menggunakan lebih daripada 50 peratus daripada keperluan gas untuk menjana jana kuasanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kajian dan unjuran yang dikeluarkan oleh Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) bagi keperluan gas akan disemak setiap tahun sejajar dengan perkembangan semasa sektor tersebut. Berdasarkan kajian yang dijalankan, keperluan gas bagi sektor tenaga diunjurkan berkurangan pada masa hadapan mengambil kira rasionalisasi subsidi gas oleh Kerajaan. Di samping itu, permintaan tenaga pada masa hadapan akan turut dicorakkan oleh sumber bahan api yang lain seperti arang batu, hidro, tenaga boleh baharu dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keselamatan bekalan melalui kepelbagaian campuran tenaga.

2. Unjuran campuran bahan api bagi tahun 2014 hingga 2030 mendapati gas merupakan salah satu bahan api utama yang akan diguna pakai bagi tujuan penjanaan tenaga elektrik iaitu menyumbang sebanyak pada 20% hingga 48% di Semenanjung dan lebih daripada 80% di Sabah sepanjang tempoh tersebut.

3. Kerajaan sentiasa melaksanakan kajian dan unjuran keperluan gas bagi memastikan tahap keselamatan tenaga negara terus kekal kukuh dan stabil. Kajian keperluannya akan dibuat bersekali dengan keperluan sumber bahan api lain seperti arang batu, hidro, tenaga boleh baharu dan sebagainya bagi memastikan keseimbangan campuran bahan api dicapai mencerminkan kehendak dan keperluan bekalan elektrik.
